



**KETUA PENGARAH KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN**  
**JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA**  
[ *Department of Malaysian Quarantine and Inspection Services (MAQIS)* ]  
ARAS 4, MENARA 4G1, WISMA TANI  
NO . 28, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
62624 PUTRAJAYA  
MALAYSIA



Telefon : 03-8870 8000 / 03-8870 8019

Faks : 03-8870 8004

Portal : [http :// www.maqis.gov.my](http://www.maqis.gov.my)

Ruj. Kami : KP/MAQIS/556 JLD.8 (52)

Tarikh : 21 Oktober 2019

**KEPADA SESIAPA BERKENAAN**

Tuan/Puan,

**PEMAKLUMAN PERUBAHAN PROSEDUR KELULUSAN PERMIT SECARA *AUTO APPROVE***

2. Adalah dimaklumkan jabatan kini sedang meningkatkan efisiensi pengeluaran permit secara *auto approve* sebagai langkah fasilitasi perdagangan kepada pemain industri yang terlibat. Prosedur baharu ini akan beroperasi pada 22 Oktober 2019.

3. Transisi perubahan ini akan merangkumi dua (2) fasa, fasa pertama adalah bagi permit import dan eksport sektor tumbuhan dan ikan. *Other government agency* (OGA) yang terlibat adalah seperti berikut :

1. (MAQIS/Jabatan Perikanan)  
[www.epermit.dagangnet.com.my](http://www.epermit.dagangnet.com.my)
2. (MAQIS/ Kuarantin Tumbuhan)  
[www.newepermit.dagangnet.com.my](http://www.newepermit.dagangnet.com.my)
3. (MAQIS/DOA) komoditi tumbuhan berkuota  
[www.newepermit.dagangnet.com.my](http://www.newepermit.dagangnet.com.my)
4. (MAQIS/LKIM)  
[www.newepermit.dagangnet.com.my](http://www.newepermit.dagangnet.com.my)

4. Seterusnya pada fasa kedua adalah bagi permit import dan eksport sektor haiwan iaitu OGA (MAQIS/Jabatan Perkhidmatan Veterinar), tarikh pelaksanaan fasa ini akan dimaklumkan kemudian.

5. Sehubungan itu diingatkan bahawa, setiap permohonan permit hendaklah mempunyai maklumat item dan kuantiti yang sama dengan borang-borang pengisytiharaan yang lain seperti borang kastam, *invoice*, *airway bill* dan *bill of lading*. Pihak tuan/puan hendaklah bertanggungjawab dalam memastikan segala maklumat adalah betul dan tepat semasa membuat permohonan permit. Sekiranya pihak MAQIS mendapati terdapat maklumat yang tidak tepat atau palsu dalam dokumen pihak tuan/puan, pihak tuan/puan boleh dikenakan tindakan undang-undang di bawah Seksyen 13 Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728].


6. Sebarang pertanyaan dan maklumbalas boleh dimajukan pada email [feedback@maqis.gov.my](mailto:feedback@maqis.gov.my), kerjasama dan perhatian tuan/puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

### PENGUATKUASAAN BERINTEGRITI

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menandatangani amanah,



**(SAIFUL YAZAN BIN ALWI)**

s.k.

- I. Pengarah Bahagian Pemeriksaan dan Penguatkuasaan
- II. Pengarah Bahagian Kuarantin
- III. Pengarah Bahagian Dasar dan Perancangan
- IV. Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan